

# **996 graduan KUTKM terima ijazah, diploma**

**Archival News | Utusan Malaysia | 06/08/2006 | Author: NORHUDA SULIEMAN**

**CAPTION:**

(Dari kiri) Soo Sit Kham, Kong Pei Rou, Intan Azmira Wan Abdul Razak dan Kyairul Azmi Baharin senyum kegembiraan setelah masing-masing menerima anugerah akademik pelajar cemerlang pada Majlis Konvokesyen Kedua Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Seri Negeri Ayer Keroh, Melaka, semalam.

MELAKA 5 Ogos - Sebanyak 996 graduan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen kedua universiti itu yang diadakan selama dua hari bermula hari ini, di Dewan Seri Negeri di sini.

Daripada jumlah itu, 265 graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing menerima diploma sementara 730 graduan menerima ijazah Sarjana Muda dan seorang graduan dianugerahkan ijazah Sarjana.

Rektor KUTKM, Prof. Datuk Dr. Ismail Hassan dalam ucapannya pada majlis konvokesyen itu berkata, KUTKM yang telah enam tahun ditubuhkan berjaya melahirkan ramai tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat (IT).

Katanya, sehingga kini 1,369 tenaga kerja mahir berjaya dihasilkan oleh universiti itu iaitu 997 orang dalam bidang kejuruteraan dan 412 dalam bidang IT.

"Tenaga mahir ini adalah hasil iltizam dan usaha KUTKM untuk melahirkan tenaga pakar yang mampu menyumbang kepada organisasi masing-masing pada hari pertama mereka berkhidmat," katanya ketika berucap pada sesi pertama Majlis Konvokesyen KUTKM di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob.

Ismail berkata, bagi memastikan graduan KUTKM mampu memainkan peranan tersebut, KUTKM memperkenalkan pendekatan pembelajaran berteraskan amalan dan aplikasi.

Menerusi pendekatan itu, jelas beliau, pelajar dilengkapi bukan hanya aspek teori tetapi turut didedahkan dengan aplikasi teori dan amalan berkaitan suasana kerja sebenar.

"KUTKM ditubuhkan sebagai universiti teknikal yang mengkhususkan bidang kejuruteraan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

"Kandungan kurikulum dibangunkan dengan input dari industri bagi memastikan ia relevan dengan keperluan semasa," ujarnya.

Beliau berkata, sehingga kini KUTKM mempunyai 5,294 pelajar terdiri daripada 776 pelajar diploma, pelajar Sarjana Muda (4,518 orang), Sarjana (95 orang) dan pelajar doktor falsafah (23 orang). Katanya, semua program diploma dan Sarjana Muda Sains Komputer di universiti itu telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Bagi program akademik bidang kejuruteraan pula, jelas beliau, permohonan telah dihantar untuk mendapatkan pengiktirafan dari badan akreditasi (EAC) dan ia dijangka diperoleh tidak lama lagi.

(Source : Utusan Malaysia)